

Al-Quran menyatakan:

“..lautan dalam yang bergelombang, diatasnya gelombang, diatasnya awan tebal gelap gelita yang berlapis-lapis..” Quran 24:40

Keterangan ini menakjubkan kerana 1400 tahun lampau tidak ada alat khas untuk mengesan ombak dilautan dalam.

9 Berbohong Dan Pergerakan Sengaja (tindakan sengaja)

*“Sekali-kali tidak!
Jika dia tidak berhenti,
pasti Kami tarik ubun-ubunnya;
ubun-ubun orang yang
berdusta dan derhaka.”*

Quran 96:15-16

Pada zaman Nabi Muhammad s.a.w ada satu ketua kaum yang zalim lagi menindas. Tuhan mewahyukan ayat ini untuk memberi amaran kepada mereka:

Tuhan tidak menggelar orang ini penipu, tetapi menyebut ubun-ubun (bahagian depan otak) ‘menipu’ dan ‘derhaka’, dan memberi amaran supaya dia berhenti.

Banyak kajian mendapati bahawa ubun-ubunlah

yang melakukan kedua-dua perbuatan bohong dan tindakan sengaja, maka dengan itu melakukan dosa. Rangkaian pergerakan ini dapat diketahui dengan menggunakan alat pengimejan perubatan yang dimajukan pada abad kedua puluh.


10 Dua Lautan Yang Tidak Bercampur

Berkenaan lautan, Pencipta kita berfirman:

Satu kekuatan fizikal dipanggil ketegangan permukaan menghalang kedua laut daripada bercampur kerana ketumpatan yang berbeza. Seolah-olah ada dinding nipis diantara mereka. Perkara ini baru ditemui oleh para saintis laut.

“Dia membiarkan dua laut mengalir dan kemudian bertemu, diantara keduanya ada batas, mereka tidak bercampur.”

Quran 55:19-20



Mungkinkah Muhammad Mengarang al-Quran?

Sejarah membuktikan bahawa Nabi Muhammad s.a.w adalah ummi, tidak boleh membaca atau menulis dan tidak mempelajari sebarang bidang untuk memungkinkan baginda untuk menyatakan fakta saintifik yang tepat seperti yang terdapat didalam al-Quran.

Ada yang mendakwa dia telah meniru daripada cendekiawan dan saintis sezaman. Jika al-Quran itu ditiru, pasti ada fahaman silap ketika itu turut ditiru. Sebaliknya al-Quran tidak mengandungi sebarang kesilapan - baik saintifik atau sebaliknya.

Ada juga yang mendakwa al-Quran ditukar mengikut pertemuan sains terkini. Ini tidak mungkin sedemikian kerana dokumen sejarah membuktikan bahawa al-Quran dipelihara dalam bahasa asal (tanpa perubahan) – perkara ini adalah satu keajaiban dengan sendirinya.

Mungkinkah Ia (Kebenaran Al-Quran) Satu Kebetulan?

Walaupun risalah ini hanya tertumpu kepada keajaiban saintifik, banyak jenis keajaiban lain terkandung dalam al-Quran;

Ramalan yang terbukti benar, gaya bahasa dan sastera yang tidak ada tolok bandingnya; apatah lagi faedah yang ketara kepada manusia. Semua keajaiban ini tidak mungkin satu kebetulan. Terbukti bahawa al-Quran ini datang daripada Tuhan, Pencipta segala hukum sains. Dialah Tuhan yang satu, yang telah mengutus semua nabi dengan mesej yang sama – sembahlah Tuhan yang satu dan ikutilah ajaran Rasul-Nya.

Al-Quran adalah kitab panduan yang menunjukkan bahawa Tuhan tidak mencipta manusia untuk berbuat tanpa tujuan. Bahkan, ia mengajar kita bahawa kehidupan kita adalah penuh erti dan mempunyai tujuan yang mulia – untuk menperakui kesempurnaan Tuhan, kehebatan-Nya, keistimewaan-Nya dan mentaati-Nya.

Terpuanglah kepada setiap orang untuk menggunakan kebijaksanaan anugerah Ilahi dan pemikiran yang waras untuk merenung dan mengenali tanda kebesaran Ilahi – dan al-Quran merupakan tanda kebesaran Tuhan yang ulung. Baca dan terokailah keindahan dan kebenaran al-Quran, supaya kita mencapai kejayaan.

Sumbangan Oleh: RUBEES
ISLAMIC OUTREACH ABIM CENTRE
 Masjid Negara, Jalan Perdana, 50480 Kuala Lumpur Malaysia
 Tel. +60111-429-7281, FB: MTGprogram
CONTRIBUTION CAN BE FORWARDED TO:
 ANGKATAN BELIA ISLAM MALAYSIA
 BANK ISLAM (M) BERHAD A/C: 1212-2010-004248

sains dalam ISLAM

“ Kami (Allah) akan memperlihatkan kepada mereka tanda (kebesaran). Kami disegenap ufk dan pada diri mereka sendiri sehingga jelaslah bagi mereka bahawa Al-Quran adalah benar. ”
Quran 41:53

**pelajari
asasnya** 

Al-Quran, kitab agama Islam, adalah kitab wahyu terakhir Tuhan kepada manusia dan merupakan siri panduan wahyu yang terakhir kepada para nabi.

Al-Quran yang diwahyukan lebih daripada 1400 tahun yang lalu bukanlah sebuah buku sains namun ia mengandungi fakta-fakta sains yang terkini, sejajar dengan perkembangan ilmu sains dan teknologi. Islam menggalakkan berfikir dan membuat penyelidikan saintifik justeru memahami sifat makhluk mengukuhkan ketakjuban kita kepada Pencipta serta kekuasaan-Nya dan kebijaksanaan-Nya.

Al-Quran diwahyukan ketika sains masih primitif: tiada teleskop, mikroskop dan jauh dari teknologi terkini. Umum mempercayai bahawa matahari mengelilingi bumi dan langit ditegakkan oleh tiang-tiang dipenjuru bumi yang rata. Dizaman itulah al-Quran diwahyukan, mengandungi fakta sains yang menjangkau perkara astronomi hingga biologi, geologi hingga zoologi.

Fakta-fakta sains yang terdapat dalam al-Quran termasuk:

1 Asal Kehidupan

Air dinyatakan sebagai punca kehidupan. Semua kehidupan diperbuat daripada sel-sel dan kini diketahui bahawa kandungan sel hampir semuanya adalah air. Penemuan ini hanya dicapai setelah terciptanya mikroskop. Digurun Arabia, tidak dapat dibayangkan bahawa seseorang boleh meneka bahawa setiap kehidupan datang daripada air.

"Dan daripada air Kami jadikan segala sesuatu yang hidup. Maka mengapakah mereka tidak juga beriman?" Quran 21:30

2 Perkembangan Embrio Manusia

Tuhan berfirman tentang peringkat-peringkat perkembangan embrio manusia:

"Kami telah mencipta manusia daripada saripati tanah, kemudian Kami jadikannya air mani yang disimpan dalam tempat yang kukuh. Kemudian air mani itu Kami jadikan alaqah [sesuatu yang melekat], kemudian Kami jadikan mudghah [sesuatu yang dikunyah] ..." Quran 23:12-14

Perkataan Arab **"alaqah"** mempunyai tiga maksud: lintah, benda yang tergantung dan segumpal darah. **"Mudghah"** bermaksud benda yang dikunyah. Pakar pengkaji embrio menyedari bahawa penggunaan istilah ini dalam pembentukan embrio adalah tepat dan bersesuaian dengan pemahaman saintifik terkini berkenaan proses pembentukannya.

Peringkat dan pengklasifikasiannya embrio adalah kurang diketahui sehingga abad kedua puluh, ini bermakna keterangan tentang embrio manusia dalam al-Quran sudah pasti tidak berdasarkan pengetahuan abad ketujuh.

3 Perluasan Universe (Alam Semesta)

Ketika sains astronomi (ilmu kaji bintang) masih primitif, ayat al-Quran ini diwahyukan:

"Dan langit Kami bina dengan kekuasaan dan Kami benar-benar meluaskannya." Quran 51:47

Ayat ini bermaksud bahawa Tuhan meluaskan universe ini, ia juga bermaksud Tuhan mengurus dan berkuasa keatas universe ini.

Fakta tentang perluasan universe ini iaitu galaksi-galaksi bergerak menjauhi sesama sendiri hanya diketahui pada abad yang lalu. Pakar fizik, Stephen Hawking dalam bukunya '*A Brief History of Time*' menulis, **"Penemuan bahawa universe ini berkembang luas adalah satu perubahan pemikiran yang hebat pada abad kedua puluh."**

Al-Quran membayangkan perluasan universe ini lama sebelum teleskop dicipta.

4 Besi Diturunkan

Besi bukanlah bahan asli bumi, ia datang dari planet diangkasa lepas. Para saintis mendapat bahawa bumi dirempubi meteorit berbilllion tahun lampau. Meteorit itu datang dari bintang-bintang yang meledak dan mengandungi besi.

Tuhan menggunakan perkataan **"turunkan"**. Fakta bahawa besi diturunkan kebumi dari angkasa lepas tidak diketahui oleh sains primitif pada abad ketujuh.

"Dan Kami turunkan besi yang mempunyai kekuatan yang hebat dan banyak manfaatnya bagi manusia." Quran 57:25

5 Langit Sebagai Pelindung

Langit memainkan peranan penting dalam melindungi bumi dan penghuninya daripada cahaya yang berbahaya daripada matahari dan sejuk yang membeku dari angkasa lepas.

Tuhan mengajak kita memikirkan tentang langit di dalam ayat ini:

"Kami (Tuhan) jadikan langit sebagai atap yang melindungi, namun mereka berpaling dari tanda-tanda Kami." Quran 21:32


Al-Quran menegaskan bahawa perlindungan langit sebagai tanda kebesaran Ilahi, ciri perlindungan ini ditemui dalam penyelidikan sains sekitar abad kedua puluh.

6 Gunung-ganang

Tuhan mengingatkan kita perihal pentingnya gunung-ganang:

Al-Quran dengan tepat menjelaskan akar tunjang gunung dengan perkataan "pasak." Gunung Everest, umpamanya berketinggian 9 km namun pasaknya berkedalaman 125 km.

Fakta bahawa gunung-ganang mempunyai pasak yang dalam hanya diketahui apabila teori plat tektonik diketahui pada awal abad kedua-puluh. Tuhan juga menyatakan di dalam al-Quran (16:15) bahawa, gunung-ganang menstabilkan bumi **supaya bumi tidak bergoncang** merupakan satu perkara yang sedang dikaji saintis.



7 Garis Peredaran (Orbit) Matahari

Pada tahun 1512, ahli falak Nicholas Copernicus mengutarakan teori bahawa matahari tidak bergerak di tengah sistem solar dan planet mengelilinginya. Kepercayaan ini masyhur di kalangan para astronomi hingga kurun kedua puluh. Kini terbukti bahawa matahari tidak tetap bahkan bergerak pada orbitnya mengelilingi pusat galaksi Bima Sakti.

"Dialah yang mencipta malam dan siang matahari dan bulan, masing-masing beredar pada garis peredarannya." Quran 21:33

8 Ombak Dalaman Didalam Laut

Umum mengetahui bahawa ombak hanya wujud di permukaan laut. Namun, saintis laut (oceanographers) mendapati bahawa wujud ombak didalam lautan yang tidak terlihat oleh mata kasar manusia dan hanya boleh dikesan menggunakan peralatan khas.